

BAB LIMA


SISTEM FONETIK DAN FONOLOGI BAHASA PERANCIS

5.0. PENDAHULUAN

Dalam Bab 5 ini kita akan cuba menghuraikan sistem fonetik dan fonologi BP. Huraian dibuat berpandukan buku *Phonétique progressive du français avec 600 exercices* oleh Lucile Charliac & Anne-Marie Motron (1998) dan *Phonétique 350 exercices* oleh Dominique Abry dan Marie-Laure Chalaron (1994). Bunyi-bunyi yang dihuraikan di sini terhad kepada bunyi yang terdapat dalam BP standard. BP adalah sebuah bahasa yang kaya dengan bunyi-bunyi vokal. Bahasa ini mempunyai 16 bunyi vokal dan 20 bunyi konsonan yang mana 3 daripadanya adalah bunyi separuh vokal. Namun begitu, menurut Dominique Abry dan Marie-Laure Chalaron dalam buku *Phonétique 350 exercices* (1994:21), sistem vokal BP standard sedang dalam proses perubahan daripada 16 bunyi vokal kepada 13 bunyi vokal. Mereka berpendapat bahawa bunyi vokal [ɑ] telah mula digantikan oleh bunyi [a], vokal [ə] pula diganti oleh sama ada bunyi vokal [ø] atau [œ] dan vokal nasal [ɔ̃] diganti oleh bunyi [ē]. Walaupun bunyi vokal ini dikatakan telah mengalami pengurangan jumlahnya, namun ianya masih lagi diujarkan oleh sesetengah penutur asli BP. Oleh yang demikian, bagi tujuan kajian ini pengkaji akan menghuraikan kesemua 16 bunyi vokal yang terdapat dalam BP standard.

5.1. VOKAL

BP mempunyai 16 bunyi vokal yang terdiri daripada 12 bunyi vokal oral dan 4 bunyi vokal nasal. Bunyi vokal oral dibezakan dengan bunyi vokal nasal berdasarkan cara udara keluar dari paru-paru. Sekiranya udara hanya keluar melalui rongga mulut ketika bunyi vokal dihasilkan maka bunyi tersebut dikelaskan sebagai vokal oral. Sebaliknya jika udara dari paru-paru dibenarkan keluar melalui rongga mulut dan hidung secara serentak semasa menghasilkan bunyi vokal, maka vokal yang terbentuk adalah vokal nasal. Bunyi-bunyi vokal ini dibahagikan pula kepada empat jenis iaitu vokal depan tidak bundar, vokal depan bundar, vokal tengah dan vokal belakang bundar. Pembahagian ini dibuat berdasarkan bahagian lidah yang terlibat dan bentuk bibir yang dibentuk apabila bunyi-bunyi tersebut dihasilkan. Vokal juga boleh dibahagikan berdasarkan darjah ketinggian kedudukan lidah di dalam mulut. Bunyi vokal BP menyamai kedudukan vokal kardinal yang dikemukakan oleh Daniel Jones (1956). Rajah kedudukan vokal BP yang dipetik dari Fougeron & Smith (1993:73) tidak memasukkan bunyi vokal [ɑ] sebagai salah satu bunyi vokal BP kerana ia telah mula hilang di dalam pertuturan kebanyakan orang Perancis.



Rajah 5.1 : Vokal Bahasa Perancis


(Dipetik dari Fougeron & Smith 1993:73)

Jadual 5.1: Vokal Bahasa Perancis

Darjah keterbukaan mulut	Kesengauan	Bentuk bibir	Daerah artikulasi		
			Depan lidah	Tengah lidah	Belakang lidah
Sempit	Oral	Tidak Bundar	i		
		Bundar	y		u
	Nasal	Tidak Bundar			
		Bundar			
Separuh sempit	Oral	Tidak Bundar	e	ə	
		Bundar	ø		o
	Nasal	Tidak Bundar			
		Bundar			
Separuh luas	Oral	Tidak Bundar	ε		
		Bundar	œ		ɔ
	Nasal	Tidak Bundar	ẽ		
		Bundar	ẽ̃		õ
Luas	Oral	Tidak Bundar		a	ɑ
		Bundar			
	Nasal	Tidak Bundar			
		Bundar			ã

5.1.1. Vokal Oral

Dalam BP terdapat dua belas bunyi vokal oral. Vokal-vokal tersebut adalah vokal [i], [e], [ɛ], [a], [y], [ø], [œ], [ə], [u], [o], [ɔ] dan [ɑ]. Vokal oral dihasilkan dengan langit lembut dinaikkan hingga menutup laluan udara dari paru-paru daripada keluar melalui rongga hidung. Udara dipaksa keluar hanya melalui rongga mulut. **Rajah 5.1.1** menunjukkan bagaimana bunyi vokal oral dihasilkan. Vokal oral dalam BP dibahagikan kepada vokal oral depan, vokal oral tengah dan vokal oral belakang.



Rajah 5.1.1 Cara Pengeluaran Vokal Oral Bahasa Perancis

5.1.1.1. Vokal oral depan

Terdapat tujuh bunyi vokal oral yang dihasilkan oleh bahagian depan lidah, iaitu vokal [i], [e], [ɛ], [a], [y], [ø] dan [œ]. Vokal-vokal [i], [e], [ɛ] dan [a] dikelaskan sebagai

vokal oral depan tidak bundar manakala vokal-vokal [y], [ø], dan [œ] pula dikelaskan sebagai vokal oral depan bundar.

5.1.1.1.1. Vokal oral depan tidak bundar

Vokal oral depan tidak bundar terdiri daripada bunyi-bunyi vokal [i], [e], [ɛ] dan [a]. Alat artikulasi yang terlibat di dalam menghasilkan bunyi vokal depan tidak bundar ini adalah bahagian depan lidah. Semasa penghasilan bunyi vokal ini, bentuk bibir tidak dibundarkan. Vokal-vokal ini dihasilkan dengan mengangkat bahagian depan lidah ke lelangit keras dan ditahan di belakang barisan gigi atas. Anak tekak dinaikkan untuk menghalang arus udara dari paru-paru dari keluar melalui rongga hidung dan pada masa yang sama pita suara digetarkan.

Berdasarkan **Rajah 5.1**, secara menegak darjah keterbukaan mulut semasa penghasilan bunyi-bunyi vokal depan dapat dibahagikan kepada empat darjah iaitu sempit, separuh sempit, separuh luas dan luas. Vokal yang terletak paling atas dalam gambarajah tersebut, iaitu vokal [i] adalah vokal paling sempit. Manakala vokal [a] yang terletak di bahagian bawah merupakan vokal depan tidak bundar yang paling luas.

Vokal [i] dihasilkan dengan menghamparkan bibir, lidah diangkat ke lelangit keras dan ditahan di belakang deretan gigi bawah. Udara dari paru-paru disekat dari mengalir keluar melalui rongga hidung dengan menaikkan lelangit lembut hingga menutup laluan udara ke rongga hidung dan udara dibiarkan keluar melalui rongga sempit yang terbentuk antara dua bibir. Vokal [e] juga dihasilkan dengan cara yang sama dengan vokal [i] kecuali lidah dinaikkan lebih rendah dan mulut dibuka lebih luas. Bentuk bibir juga tidak dibundarkan ketika vokal [e] dihasilkan. Manakala vokal [ɛ] dihasilkan dengan menaikkan

lidah ke kedudukan yang lebih rendah daripada kedudukan lidah ketika menghasilkan vokal [e]. Ini menyebabkan mulut dibuka lebih luas tetapi bentuk bibir tetap tidak dibundarkan. Vokal [a] pula dihasilkan dengan menaikkan lidah ke lelangit keras serendah-rendahnya di dalam mulut dan mulut dibuka luas. Bibir tidak dibundarkan ketika bunyi vokal ini dihasilkan. Vokal-vokal ini boleh dipertentangkan antara satu sama lain bagi menunjukkannya sebagai satu fonem.

Untuk melihat fungsi fonem sebagai unit yang membezakan makna, pertentangan pasangan minimal boleh dibuat di antara fonem vokal oral depan tidak bundar dan fonem vokal depan oral bundar.

Fonem	Suku kata terbuka #CV#	Suku kata tertutup #CVC#
/i/ - /y/	/di/ - /dy/ dit du “berkata” “artikel (sedikit)”	/siR/ /syR/ - sūr cire “pasti” “lilin”
/e/ - /ø/	/ke/ - /kø/ quai queue “platform “beratur” (stesen keretapi”)	-
/ɛ/ - /œ/	-	/sɛl/ /sœl/ - seule sel “sendirian” “garam”

5.1.1.1.2. Vokal oral depan bundar

Terdapat tiga vokal oral bundar dalam BP, iaitu [y], [ø] dan [œ]. Vokal ini diujarkan dengan membundarkan bibir. Vokal depan bundar dibezakan dengan vokal belakang

bundar berdasarkan bahagian lidah yang terlibat di dalam penghasilannya tetapi bentuk bibir adalah sama seperti ketika menyebut bunyi-bunyi vokal belakang.

Vokal [y] dihasilkan dengan menaikkan bahagian depan lidah tinggi ke arah langit keras. Bentuk bibir pula dibundarkan seperti hendak membunyikan [u]. Manakala untuk bunyi [ø], bahagian depan lidah dinaikkan antara kedudukan separuh sempit dan separuh luas. Bentuk bibir juga dibundarkan seperti hendak menyebut bunyi [o]. Bunyi [œ] juga dihasilkan oleh bahagian depan lidah. Lidah dinaikkan sedikit ke kedudukan lebih rendah dari kedudukan separuh luas. Pada masa ini bibir dibundarkan seperti ketika menyebut bunyi [ɔ].

Fonem vokal depan bundar dalam BP terdiri daripada fonem /y/, /ø/ dan /œ/. Fungsi fonem-fonem tersebut sebagai unit yang distingtif dapat dilihat dengan membuat pertentangan pasangan minimal dengan fonem-fonem vokal oral belakang.

Fonem	Suku kata terbuka #CV#	Suku kata tertutup #CVC#
/y/ - /u/	/Ry / - /Ru/ rue roue “jalan” “roda”	/byl/ /bul/ - boule bulle “bola” “buih”
/ø/ - /o/	/pø/ - /po/ peu peau “sedikit” “kulit”	/nøtR/ /notR/ neutre nôtre “neutral” “kepunyaan kami”
/œ/ - /ɔ/		/œR / - /ɔR/ heure hors “masa” “luar”

5.1.1.2. Vokal oral tengah

Dalam sistem fonetik BP, vokal oral tengah [ə] dihasilkan dengan menaikkan bahagian tengah lidah ke kedudukan tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah di dalam mulut. Bentuk bibir dibundarkan sedikit ketika bunyi [ə] ini dihasilkan.

Kehadiran fonem /ə/ dalam sesetengah kata boleh digugurkan dalam keadaan-keadaan tertentu. Fonem /ə/ yang hadir pada lingkungan tengah kata digugurkan apabila konsonan yang hadir selepas fonem /ə/ mempunyai ciri yang sama dengan konsonan yang mendahuluinya, yakni konsonan bersuara atau tidak. Contohnya, bagi perkataan /dəmãd/, konsonan /d/ yang mendahului fonem vokal /ə/ merupakan konsonan letupan bersuara, manakala fonem /m/ yang hadir selepas vokal /ə/ pula merupakan konsonan nasal bersuara. Kedua-dua fonem konsonan ini berkongsi ciri yakni kedua-duanya merupakan konsonan bersuara. Oleh itu fonem vokal /ə/ ini digugurkan dalam perkataan di atas. Perkataan /dəmãd/ disebut sebagai /dmãd/. Kehadiran fonem /ə/ di akhir kata biasanya digugurkan kecuali bagi perkataan-perkataan yang mempunyai satu suku kata seperti dalam perkataan /lə/, /sə/, /mə/ dan /kə/. Fonem /ə/ ini hanya boleh hadir dalam suku kata terbuka.

Untuk melihat fonem /ə/ sebagai satu unit yang membezakan makna, pertentangan pasangan minimal boleh dibuat dengan fonem vokal depan separuh sempit /e/ dan fonem vokal belakang separuh sempit /o/.

Fonem	Suku kata terbuka #CV#	Suku kata tertutup #CVC#
/ə/ - /e/	/sə/ - /se/ ce “itu” (jamak)”	
/ə/ - /o/	/pəze/ - /poze/ peser “menimbang” “meletak”	

5.1.1.3. Vokal oral belakang


Vokal [ɑ], [ɔ], [o] dan [u] adalah vokal-vokal yang melibatkan bahagian belakang lidah semasa penghasilannya. Vokal [ɑ] merupakan vokal belakang luas yang dihasilkan dengan menaikkan sedikit bahagian belakang lidah sambil mulut dibuka luas. Manakala vokal [ɔ] pula dihasilkan dengan mengangkat bahagian belakang lidah ke kedudukan separuh luas. Pada ketika ini, bibir dibundarkan. Vokal [o] pula dihasilkan dengan mengangkat lidah belakang ke kedudukan yang lebih tinggi daripada kedudukan lidah semasa menghasilkan vokal [ɔ] dan bibir dibundarkan. Belakang lidah dinaikkan setinggi-tingginya ke langit keras dan membentuk ruang yang sempit di dalam mulut ketika menghasilkan vokal [u]. Bibir dibundarkan ketika vokal ini dibunyikan.

Untuk melihat fungsi fonem-fonem ini sebagai unit yang bermakna, pertentangan pasangan minimal boleh dibuat dengan vokal depan tidak bundar.

Fonem	Suku kata terbuka #CV#	Suku kata tertutup #CVC#
/u/ - /i/	/ru/ - /ri/ roue “jalan”	/suR/ - /siR/ sourd “pekak”
	riz “nasi”	cire “lilin”
/o/ - /e/	/do/ - /de/ dos “belakang”	
	des “artikel (de + les)”	
/ɔ/ - /ɛ/		/bɔt/ - /bet/ botte “kasut getah”
		bête “bodoh”
/a/ - /ɑ/	/lase/ - /lase/ lacer “mengikat”	/pat/ - /pat/ patte “kaki binatang”
	lasser “meletihkan”	pâtes “pasta”

5.1.2. Vokal Nasal

Vokal nasal adalah vokal yang dihasilkan apabila udara dari paru-paru dibiarkan keluar secara serentak melalui rongga mulut dan hidung. Udara dapat keluar melalui rongga hidung apabila lelangit lembut diturunkan dan menyebabkan terbentuknya laluan udara ke rongga hidung. Dalam BP ada empat bunyi vokal nasal iaitu vokal [ẽ], [ã], [õ] dan [œ].



Rajah 5.1.2. Cara Pengeluaran Vokal Nasal Bahasa Perancis

5.1.2.1. Vokal Nasal Depan

Terdapat dua jenis vokal nasal depan dalam BP iaitu vokal nasal depan tidak bundar dan vokal nasal depan bundar.

5.1.2.1.1. Vokal nasal depan tidak bundar

Vokal nasal depan tidak bundar [ɛ̃] dihasilkan dengan depan lidah diangkat ke kedudukan di antara vokal [a] dan [ɛ]. Bentuk dan kedudukan bibir sama seperti ketika menghasilkan vokal [ɛ] kecuali pada masa ini lelangit lembut direndahkan dan membolehkan udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung dan rongga mulut seperti yang ditunjukkan oleh **Rajah 5.1.2** di atas.

Terdapat hanya satu sahaja fonem nasal tidak bundar dalam BP iaitu fonem / $\tilde{\epsilon}$ /. Fonem vokal nasal depan tidak bundar ini boleh dipertentangkan secara pasangan minimal dengan fonem vokal oral depan tidak bundar / ϵ / untuk memperlihatkan fungsinya sebagai satu unit yang membezakan makna. Fonem / $\tilde{\epsilon}$ / hanya hadir dalam suku kata terbuka sahaja.

Fonem	Suku kata terbuka #CV#	Suku kata tertutup #CVC#
/ $\tilde{\epsilon}$ / - / ϵ /	/m $\tilde{\epsilon}$ / - /m ϵ / main - mais “tangan” - “tetapi”	

5.1.2.1.2. Vokal nasal bundar

Vokal [$\tilde{\alpha}$] merupakan vokal nasal depan bundar. Ketika menghasilkan vokal ini, kedudukan lidah dan bentuk bibir adalah sama seperti vokal [α] kecuali langit rendah diturunkan untuk membenarkan udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung dan rongga mulut secara serentak bagi menghasilkan bunyi nasal.

Manakala bunyi vokal nasal belakang bundar pula terdiri daripada vokal [$\tilde{\alpha}$] dan [$\tilde{\omega}$]. Vokal [$\tilde{\alpha}$] dihasilkan dengan menaikkan belakang lidah ke kedudukan di antara separuh sempit dan separuh luas. Bentuk bibir dibundarkan dan langit lembut pula direndahkan bagi membenarkan udara dari paru-paru keluar secara serentak melalui rongga mulut dan hidung. Manakala vokal nasal [$\tilde{\omega}$] pula dihasilkan dengan menaikkan belakang lidah ke kedudukan yang hampir dengan vokal oral [ω], iaitu di antara kedudukan vokal sempit dan vokal luas. Pada ketika ini langit lembut direndahkan menyebabkan udara dari paru-paru keluar secara serentak melalui rongga mulut dan rongga hidung dan bibir pula dibundarkan.

Fonem-fonem vokal nasal bundar terdiri daripada fonem /œ/, /ɔ̃/ dan /ã/. Fungsi fonem-fonem vokal nasal ini sebagai unit-unit yang membezakan makna, dapat dilihat dengan membuat pertentangan pasangan minimal seperti berikut:

Fonem	Sukukata Terbuka #CV#	Sukukata Tertutup #CVC#
/œ/ - /ɔ̃/	/œ/ - /ɔ̃/ un - on “satu” - “mereka, kita, kata ganti nama am”	
/ɔ̃/ - /ã/	/pɔ̃/ - /pã/ pont - pend “jambatan” - “gantung”	/lɔ̃g/ - /lãg/ longue - langue “panjang” - “lidah”

5.2. Penyebaran Fonem Vokal Dalam Kata

Fonem-fonem vokal /i, ε, a, y, ø, u, o, α, ɔ̃ dan ã / boleh hadir dalam suku kata terbuka dan suku kata tertutup. Sebaliknya, fonem-fonem vokal /e, ə, ẽ, dan œ/ hanya hadir dalam suku kata terbuka. Manakala fonem-fonem vokal /œ/ dan /ɔ̃/ pula hanya hadir dalam suku kata tertutup sahaja.

Fonem	Awal sukukata		Akhir sukukata	
	terbuka #V- #CV-	tertutup #VC-	terbuka -CV#	tertutup -CVC#
/i/	/isi/ ici “di sini”	/ivRεs/ ivresse “kemabukan”	/irɔ̃ni/ ironie “sindiran”	/iris/ iris “anak mata”

/e/	/etyd/ etude “pelajaran”	-	/epe/ épée “pedang”	-
/ɛ/	/ɛRã/ errant “berkelianan”	/ɛlve/ élever “menaikkan”	/efɛ/ effet “kesan”	/ãfɛR/ enfer “neraka”
/a/	/aby/ abus “penyalahgunaan”	/akse/ accès “laluan”	/avɔka/ avocat “peguam”	/bag/ bague “cincin”
/y/	/ynik/ unique “tunggal”	/yrɜã/ urgent “penting”	/aby/ abus “penyalahgunaan”	/ãflyr/ enflure “kebengkakan”
/ø/			/patø/ pâteux “pekat”	/nøtR/ neutre “neutral”
/œ/	/œjad/ œillade “kenyitan mata”	/œf/ œuf “telur”	-	/ãpRœR/ empereur “maharaja”
/ə/	/pəze/ peser “menimbang”	-	/mə/ me “saya”	-
/u/	/uti/ outil “perkakas”	/uRsɛ/ oursin “landak laut”	/partu/ partout “merata-rata”	/mul/ moule “remis/ kepah”
/o/	/ote/ ôter “membuka”	/ot/ haute “tinggi”	/ʃo/ chaud “panas”	/roz/ rose “bunga mawar”
/ɔ/	/ɔbez/ obese “terlalu gemuk”	/ɔbliʒe/ obliger “mewajibkan”	-	/pɔR/ port “pelabuhan”
/ɑ/	/ɑʒe/ âgé “berumur”	/ɑpr(ə)/ âpre “kasar”	/pa/ pas “langkah”	/fRaz/ phrase “ayat”
/ɛ̃/	/ɛ̃pRime/ imprimer “mencetak”	-	/ãfɛ̃/ enfin “akhirnya”	-
/œ̃/	/œ̃/ un	-	/ɔpɔRtœ̃/ opportun	-

	“satu”		“tepat pada masa”	
/ɔ̃/	/ɔ̃gl(ə)/ ongle “kuku”	/ɔ̃s/ once “auns”	/bɔ̃/ bon “baik”	/lɔ̃ʒ/ longe “tali pengikat kuda”
/ã/	/ãvi/ envie “keinginan”	-	/plã/ plan “rancangan”	/lãg/ langue “lidah”

5.3. Rangkap Vokal

Rangkap vokal merupakan urutan dua vokal secara berturut-turut dalam satu kata. Rangkap vokal juga hadir dalam BP tetapi kehadirannya agak terhad. Terdapat dua jenis rangkap vokal dalam BP, iaitu rangkap vokal ke depan dan rangkap vokal ke belakang. Pembahagian ini dibuat berdasarkan vokal kedua yang hadir dalam rangkap tersebut. Rangkap vokal ke depan adalah rangkap vokal yang terbentuk hasil gabungan vokal depan atau belakang dengan vokal depan. Manakala rangkap vokal ke belakang merupakan hasil gabungan vokal depan atau belakang dengan vokal belakang. Dalam BP rangkap vokal ke depan adalah lebih banyak berbanding rangkap vokal ke belakang.

1. Rangkap Vokal Ke Depan

Terdiri daripada rangkap vokal /ae/, /ai/, /ay/, /ei/, /ee/, /ue/, /ue/, /ɔi/, /ɔy/, /ɔa/, /ɔe/, /ɔɛ/ dan /ɔẽ/. Semua vokal kedua rangkap-rangkap tersebut terdiri daripada vokal depan.

Contoh :

/æ/	/æRɔgaR/	aérogare	“pangkalan udara”
/ai/	/mais/	maïs	“jagung”
/ay/	/ayRiR/	ahurir	“tercengang”
/ei/	/pei/	pays	“negara”
/ee/	/agRee/	agréer	“menerima”
/ue/	/klue/	clouer	“memaku”
/uε/	/bRuet/	brouette	“kereta sorong”
/ɔi/	/stɔik/	stoïque	“tabah”
/ɔy/	/kɔy/	cohue	“gerombolan”
/ɔe/	/kɔɛzjɔ̃/	cohésion	“kepaduan”
/ɔa/	/kɔabite/	cohabiter	“hidup bersama”
/ɔε/	/nɔɛl/	Noël	“hari natal”
/ɔẽ/	/kɔẽsidãs/	coïncidence	“kebetulan”

2. Rangkap Vokal Ke Belakang

Jumlah rangkap vokal ke belakang dalam BP adalah kurang berbanding dengan rangkap vokal ke depan. Vokal kedua bagi rangkap-rangkap /ao/, /au/, /eɔ/, /ɔo/ dan /ɔɔ/ adalah terdiri daripada vokal belakang. Manakala vokal pertamanya boleh terdiri sama ada daripada vokal depan atau belakang.

Contoh:

/ao/	/kao/	chaos	<i>huru-hara</i>
/au/	/kautSu/	caoutchou	<i>getah</i>

/eɔ/	/kɔleɔptɛR/	coléoptère	<i>kumbang</i>
/ɔɔ/	/kɔɔtɛR/	coauteur	<i>penulis bersama</i>
/ɔɔ/	/kɔɔRt/	cohorte	<i>pasukan</i>

5.4. KONSONAN

Bunyi-bunyi konsonan dihasilkan apabila berlaku gangguan terhadap arus udara yang keluar dari paru-paru. Gangguan berlaku dalam beberapa bentuk dan pada titik artikulasi yang berbeza. Jenis gangguan, alat artikulasi dan titik artikulasi di mana berlakunya gangguan membahagikan bunyi-bunyi konsonan kepada beberapa jenis. Dalam BP terdapat 20 bunyi konsonan yang dibahagikan kepada enam jenis iaitu konsonan letupan atau plosif, konsonan geseran atau frikatif, konsonan sisian atau lateral, konsonan nasal atau sengau dan konsonan separuh vokal. Lihat **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2 : Konsonan Bahasa Perancis

Daerah artikulasi Cara artikulasi	Dua bibir	Gigi	Gusi	Gusi- Lelangit keras	Lelangit keras	Lelangit lembut	Hentian glotis
Letupan tidak bersuara	p	t				k	
Letupan bersuara	b	d				g	
Geseran tidak bersuara	f		s	ʃ			
Geseran bersuara	v		z	ʒ			
Getaran						R	
Sisian		l					
Sengauan	m	n			ɲ		
Separuh vokal	w ɥ				j		

5.4.1. Konsonan Letupan

Tujuh bunyi konsonan letupan dihasilkan dalam BP iaitu konsonan [p], [b], [t], [d], [k] dan [g]. Kesemua bunyi konsonan ini dihasilkan dengan mengadakan sekatan sepenuhnya ke atas udara yang keluar dari paru-paru di dalam rongga mulut dan kemudiannya dilepaskan secara serta-merta. Sekatan ini dilakukan oleh alat artikulasi tertentu pada titik artikulasi tertentu.

Untuk menghasilkan bunyi letupan [p] dan [b], udara dari paru-paru yang keluar melalui rongga mulut ditahan sepenuhnya di dalam rongga mulut dengan merapatkan kedua-dua bibir. Udara itu kemudiannya dilepaskan serta merta. Sekiranya ketika udara dilepaskan pita suara tidak digetarkan, bunyi konsonan letupan dua bibir tidak bersuara [p] akan dihasilkan. Sebaliknya jika pita suara digetarkan maka bunyi letupan dua bibir bersuara [b] yang terhasil. Dalam BP, konsonan-konsonan letupan dua bibir ini tidak diaspirasikan.



Rajah 5.4.1.1. Konsonan Letupan Dua Bibir [p] dan [b]

Konsonan letupan gigi [t] dan [d] dihasilkan dengan cara menyekat aliran udara yang keluar dari paru-paru di dalam rongga mulut dengan mengenakan hujung lidah pada gigi atas. Udara yang tertahan itu kemudian dilepaskan secara serta-merta. Konsonan letupan tidak bersuara [t] dihasilkan tanpa menggetarkan pita suara, sebaliknya apabila pita

suara digetarkan konsonan letupan bersuara [d] pula terhasil. Konsonan letupan [t] dan [d] ini juga tidak diaspirasikan dalam BP.



Rajah 5.4.1.2. Konsonan Letupan Gigi [t] dan [d]

Konsonan [k], dihasilkan apabila aliran udara disekat sepenuhnya daripada keluar melalui rongga hidung dengan mengangkat tinggi langit lembut dan pada masa yang sama belakang lidah diangkat hingga menyentuh bahagian hadapan langit lembut. Aliran udara dari paru-paru yang tertahan di belakang lidah kemudiannya dilepaskan secara serta merta. Pita suara tidak digetarkan semasa bunyi konsonan [k] dikeluarkan. Oleh yang demikian, bunyi yang terhasil adalah bunyi letupan langit lembut tidak bersuara. Bunyi konsonan letupan langit lembut [g] juga dihasilkan dengan cara yang sama dengan konsonan [k] kecuali pita suara digetarkan bagi menghasilkan bunyi konsonan letupan langit lembut bersuara [g].



Rajah 5.4.1.3. Konsonan Letupan Lelangit Lembut [k] dan [g]

Fonem /p/, /t/ dan /k/ merupakan fonem konsonan letupan tidak bersuara, manakala fonem /b/, /d/ dan /g/ pula merupakan fonem konsonan letupan bersuara. Pertentangan pasangan minimal dapat dibuat di antara fonem konsonan letupan tidak bersuara dan bersuara untuk memperlihatkan fungsi konsonan-konsonan ini sebagai satu fonem yang membezakan makna.

Fonem	Awal kata	Tengah kata (antara vokal)	Akhir kata
/p/ - /b/	/pẽ/ pain “roti”	/ape/ happer “menyambar”	-
	/bẽ/ bain “mandi”	/abe/ abbé “paderi”	-
/t/ - /d/	/tõ/ ton “nada suara”	/ete/ été “musim panas”	/kut/ coûte “harga”
	/dõ/ don “derma”	/ede/ aidé “bantu”	/kud/ coude “siku”
/k/ - /g/	/ku/ cou “leher”	/ekaR/ écart “jurang”	/bak/ bac “sejenis kapal, feri”
	/gu/ goût “rasa”	/egaR/ égard “pertimbangan”	/bag/ bague “cincin”

5.4.2. Konsonan Geseran

Konsonan [f], [v], [s], [z], [ʃ], [ʒ] dan [h] merupakan bunyi-bunyi konsonan geseran yang terdapat dalam BP. Bunyi-bunyi konsonan geseran dihasilkan dengan menyempitkan laluan aliran udara pada titik tertentu hingga berlakunya geseran ketika udara dari paru-paru mengalir keluar dari rongga mulut. Bentuk bibir biasanya dibundarkan dan mengunjur ke hadapan ketika mengujarkan bunyi-bunyi konsonan geseran ini. Dalam BP, konsonan geserannya dibezakan kepada geseran hembusan dan geseran desiran. Konsonan-konsonan geseran dibahagikan kepada lima jenis berdasarkan titik artikulasi yang terlibat semasa pengeluaran bunyi-bunyi tersebut.

Konsonan [f] dan [v] dihasilkan dengan menekan bibir bawah pada gigi atas dan memaksa udara keluar melalui ruang sempit antara sentuhan bibir dan gigi. Pada masa yang sama, langit lembut diangkat tinggi ke atas untuk menghalang udara dari keluar melalui rongga hidung. Konsonan [f] adalah merupakan konsonan geseran tidak bersuara kerana pita suara tidak bergetar semasa bunyi konsonan ini dihasilkan. Konsonan geseran bibir-gigi bersuara [v] juga dihasilkan dengan cara yang sama dengan konsonan [f] kecuali pita suara digetarkan semasa penghasilannya.




Rajah 5.4.2.1. Konsonan Geseran Bibir-Gigi [f] dan [v]

Konsonan [s] dan [z] dihasilkan oleh sempitan yang berlaku di dalam rongga mulut apabila hujung lidah menyentuh gusi atas. Udara dari paru-paru dipaksa keluar melalui sempitan antara hujung lidah dan deretan gigi. Berlaku geseran udara di ruang sempit tersebut. Lelangit lembut dinaikkan untuk menghalang udara dari paru-paru daripada mengalir keluar melalui rongga hidung. Pita suara tidak digetarkan apabila bunyi konsonan geseran gusi tidak bersuara [s] diujarkan tetapi sebaliknya digetarkan apabila bunyi konsonan geseran gusi bersuara [z] dihasilkan. Konsonan [z] diwakili oleh huruf *z* dan *s* dalam perkataan BP. Konsonan [z] hadir pada tengah kata di dalam perkataan yang dieja dengan huruf *s* apabila ia hadir di antara dua vokal oral. Pada lingkungan akhir kata, perkataan yang dieja dengan huruf *s* diujarkan sebagai konsonan [z] apabila bunyi huruf *s* hadir selepas vokal oral dan diikuti oleh e “*muet*”.



Rajah 5.4.2.2. Konsonan Geseran Gusi [s] dan [z]

Konsonan geseran [ʃ] dan [ʒ] dihasilkan ujarakan dengan menaikkan lidah hingga menyentuh bahagian belakang gusi atas. Udara dari paru-paru dipaksa keluar melalui sempitan antara lidah dan gusi tersebut. Lelangit lembut dinaikkan hingga menyentuh dinding tekak untuk menghalang udara dari keluar melalui rongga hidung. Ketika konsonan geseran gusi tidak bersuara [ʃ] diujarkan, pita suara dalam keadaan tidak bergetar, sebaliknya pita suara digetarkan semasa penghasilan bunyi konsonan geseran bersuara [ʒ].



Rajah 5.4.2.3. Konsonan Geseran Gusi-Lelangit Keras [ʃ] dan [ʒ]

Bagi melihat fungsi fonemik fonem geseran ini, fonem-fonem geseran bersuara dan tidak bersuara boleh dipertentangkan antara satu sama lain. Fonem geseran tidak bersuara /f/, /ʃ/ dan /s/ boleh dipertentangkan dalam pasangan minimal dengan fonem geseran bersuara /v/, /ʒ/ dan /z/.

Fonem	Awal kata	Tengah kata (antara vokal)	Akhir kata
/f/ - /v/	/fo/ faux “salah”	/kafe/ café “kopi”	/noef/ neuf “sembilan”
	/vo/ veau “anak lembu”	/cave/ caver “mengorek”	/noev/ nueve “baru” (femina)
/ʃ/ - /ʒ/	/ʃaR/ char “kereta kuda”	-	-
	/ʒaR/ jarre “tembikar”	-	-
/s/ - /z/	/sele/ seller “meletak tempat duduk di belakang kuda”	/bese/ baisser “menurunkan”	/dis/ dix “sepuluh”
	/zele/ zélé	/beze/ baiser	/diz/ disent

	“tekun”	“mencium”	“berkata (orang ketiga jamak)”
--	---------	-----------	--------------------------------

5.4.3. Konsonan Getaran Lelangit Lembut [R]

Konsonan getaran [R] dihasilkan dengan menaikkan lelangit lembut untuk menutup udara dari paru-paru daripada mengalir keluar melalui rongga hidung. Semasa udara mengalir keluar melalui rongga mulut, belakang lidah dinaikkan ke arah lelangit lembut dan ditampar beberapa kali pada anak tekak. Kedua-dua tepi lidah digulungkan ke arah dalam membentuk seolah-olah sebuah lurah di tengah-tengah lidah. Pada masa bunyi konsonan getaran ini dihasilkan, pita suara digetarkan.



Rajah 5.4.3.1. Konsonan Getaran Lelangit Lembut [R]

Fonem /R/ ini boleh hadir dalam semua lingkungan kata. Dalam BP, perkataan yang berakhir dengan huruf *r* biasanya dibunyikan dengan fonem /R/. Namun begitu, dalam sesetengah perkataan kata nama benda dan kata adjektif yang berakhir dengan huruf *r*, fonem /R/ tidak dibunyikan. Fonem /R/ boleh dipertentangkan dengan fonem sisian /l/ bagi memperlihatkan fungsinya sebagai satu unit yang membezakan makna.

Fonem	Awal kata	Tengah kata (antara vokal)	Akhir kata
/R/ - /l/	/Ri/ riz “nasi”	/maRɛ/ marais “paya”	/maR/ mare “tasik”
	/li/ lit “baca”	/malɛ/ malais “Melayu”	/mal/ mal “tidak baik”

5.4.4. Konsonan Sisian [l]

Konsonan [l] dalam BP dihasilkan dengan menaikkan bahagian hujung lidah hingga menyentuh belakang gigi atas dan pada masa yang sama bahagian lidah depan dinaikkan seperti ketika membunyi vokal [i]. Udara lepas keluar dari rongga mulut melalui kedua-dua bahagian tepi kawasan yang berlaku sekatan tersebut. Lelangit lembut dinaikkan hingga menyentuh belakang tekak untuk menghalang udara dari keluar melalui rongga hidung. Pita suara digetarkan ketika bunyi konsonan [l] dihasilkan.



Rajah 5.4.4.1. Konsonan Sisian Gigi [l]

Fonem /l/ boleh hadir dalam semua lingkungan kata. Fonem /l/ boleh dipertentangkan dengan fonem /R/ untuk memperlihatkan fungsi distingtifnya seperti contoh di atas. Dalam ejaan, fonem /l/ boleh diwakili sama ada oleh huruf *le*, *lle* atau *l*.

Bagi kebanyakan perkataan yang berakhir dengan huruf-huruf tersebut, fonem /l/ dibunyikan. Namun begitu terdapat beberapa perkataan yang tidak dibunyikan huruf *l* di akhir kata.

5.4.5. Konsonan Nasal

Konsonan nasal merupakan bunyi-bunyi yang dihasilkan apabila arus udara dari paru-paru dapat mengalir keluar melalui rongga mulut dan rongga hidung secara serentak. Udara dibenarkan mengalir keluar melalui rongga hidung apabila lelangit lembut direndahkan kedudukannya. Terdapat tiga jenis konsonan sengau dalam BP. Pembahagian ini dibuat berdasarkan titik artikulasi di mana berlakunya gangguan pada udara yang keluar dari paru-paru ketika bunyi-bunyi sengau ini dihasilkan.

Konsonan nasal [m] dihasilkan apabila udara yang keluar dari paru-paru ditahan sepenuhnya di dalam rongga mulut dengan merapatkan kedua-dua bibir. Udara yang tertahan itu kemudiannya dilepaskan secara serta merta. Lelangit lembut direndahkan untuk membenarkan udara mengalir keluar secara serentak melalui rongga mulut dan rongga hidung.



Rajah 5.4.5.1. Konsonan Nasal Dua Bibir [m]

Untuk menghasilkan bunyi konsonan nasal [n] hujung lidah dinaikkan hingga menyentuh belakang gigi atas. Lelangit lembut direndahkan untuk membenarkan aliran udara dari paru-paru masuk ke rongga hidung. Udara yang tertahan itu kemudiannya dilepaskan secara serta merta melalui rongga mulut dan rongga hidung.

Konsonan nasal [ŋ] dihasilkan dengan menaikkan bahagian depan lidah hingga menyentuh lelangit keras dan pada masa yang sama hujung lidah dikenakan pada gigi bawah. Lelangit lembut direndahkan untuk membenarkan udara dari paru-paru mengalir keluar melalui rongga mulut dan hidung secara serentak. Pita suara digetarkan semasa bunyi konsonan nasal ini diujarkan.



Rajah 5.4.5.2. Konsonan Nasal [ŋ]

Kesemua fonem nasal ini dihasilkan dengan cara yang sama tetapi dibezakan antara satu sama lain berdasarkan titik pengeluarannya. Fonem-fonem ini boleh dipertentangkan antara satu sama lain bagi menunjukkan fungsinya sebagai satu unit yang membezakan makna.

Fonem	Awal kata	Tengah kata (antara vokal)	Akhir kata
/m/ - /n/	/me/ mes “kepunyaan saya”	/eme/ aimer “suka”	/fam/ femme “perempuan”
	/ne/ nez “hidung”	/ene/ aîné “sulung”	/fan/ fane “layu”
/n/ - /ɲ/	/nɔ̃/ nom “nama”	/aɲo/ anneau “cincin”	
	/ɲɔ̃/ gnon “pukulan”	/aɲo/ agneau “anak biri-biri”	

5.4.6. Konsonan Separuh Vokal

Konsonan separuh vokal dalam BP terdiri daripada tiga bunyi iaitu [j], [ɥ] dan [w]. Bunyi-bunyi ini dikenali sebagai konsonan separuh vokal kerana cara pengeluarannya hampir sama dengan bunyi-bunyi vokal tetapi berlaku sedikit gangguan pada arus udara yang keluar dari paru-paru. Pengeluaran bunyi-bunyi separuh vokal bermula dengan keadaan alat artikulasi seperti hendak mengujarkan bunyi vokal yang hampir menyamainya dan kemudiannya beralih kepada bunyi lain yang sama atau lebih nyaring daripada bunyi vokal tersebut. Berlaku geluncuran pada alat dan titik artikulasi yang tertentu.

Konsonan separuh vokal [j] dianggap sebagai geluncuran cepat daripada bunyi vokal [i]. Bunyi [j] dihasilkan sama seperti ketika menghasilkan bunyi vokal [i] tetapi lebih

pendek, yakni bahagian depan lidah dibawa ke hadapan dan bahagian belakang lidah dinaikkan. Lelangit lembut dinaikkan untuk menyekat udara dari paru-paru daripada mengalir keluar melalui rongga hidung dan pita suara digetarkan. Konsonan separuh vokal ini diwakili oleh huruf *i* yang boleh juga mewakili bunyi vokal [i]. Perkataan yang dieja dengan huruf *i* akan menjadi separuh vokal [j] apabila terdapat satu bunyi konsonan hadir sebelumnya dalam satu suku kata dan juga apabila terdapat satu bunyi vokal lain mendahuluinya. Perkataan yang dieja dengan huruf *i* akan disebut sebagai vokal [i] apabila ianya didahului oleh dua bunyi konsonan dalam satu suku kata yang sama.

Konsonan separuh vokal [w] dihasilkan dengan menaikkan bahagian belakang lidah seperti ketika mengujarkan vokal [u] tetapi berlaku geluncuran kepada bunyi vokal yang mengikutinya. Lelangit lembut dinaikkan untuk menghalang arus udara dari paru-paru daripada keluar melalui rongga hidung. Berlaku sedikit penyempitan pada arus udara ketika melalui rongga mulut. Pita suara digetarkan ketika bunyi separuh vokal [w] dihasilkan. Konsonan ini diwakili oleh huruf *ou* dan *oi* dalam perkataan BP. Kadang-kadang perkataan yang dieja dengan huruf *ou* boleh juga diujarkan sebagai vokal [u].

Konsonan separuh vokal [ɥ] dihasilkan dengan cara yang sama seperti vokal [y], kecuali bunyi separuh vokal ini lebih pendek dan berlaku sedikit penyempitan dalam rongga mulut ketika udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut. Lelangit lembut dinaikkan untuk menghalang udara dari keluar melalui rongga hidung. Pita suara digetarkan ketika bunyi separuh vokal [ɥ] dihasilkan. Konsonan ini diwakili oleh huruf *u* dalam perkataan BP. Huruf *u* juga boleh mewakili bunyi vokal [y]. Perkataan yang dieja dengan huruf *u* apabila didahului oleh satu bunyi konsonan dalam satu suku kata yang sama akan

menjadi konsonan separuh vokal [ɥ]. Perkataan-perkataan yang dieja dengan huruf *u* dibunyikan sebagai [ɥ] apabila ianya diikuti oleh satu atau lebih bunyi vokal yang lain.

Fonem separuh vokal tidak dapat membentuk suku kata secara tersendiri. Fonem ini memerlukan sekurang-kurangnya satu fonem vokal untuk membentuk satu suku kata. Fonem-fonem separuh vokal /w/ dan /ɥ/ boleh hadir dalam lingkungan awal dan tengah kata manakala fonem /j/ pula boleh hadir dalam semua lingkungan kata.

5.5. Penyebaran Fonem Konsonan Dalam Kata

Semua fonem konsonan BP boleh hadir dalam lingkungan awal, tengah dan akhir kata kecuali fonem konsonan separuh vokal /w/ dan /ɥ/. Kedua-dua fonem separuh vokal tersebut hanya boleh hadir dalam lingkungan awal dan tengah kata sahaja.

Fonem	Awal kata	Tengah kata	Akhir kata
/p/	/panik/ panique “cemas”	/depaR/ départ “berlepas/ bertolak”	/sup/ soupe “sup”
/b/	/balade/ balader “bersiar-siar”	/abyze/ abuser “menyalahguna”	/Rɔb/ robe “baju gaun”
/t/	/tɛR/ terre “bumi/tanah”	/atiRe/ attirer “tertarik”	/Rat/ ratte “tikus betina”
/d/	/dã/ dans “di dalam”	/Radẽ/ radin “kedekut”	/bãd/ bande “kelompok”
/k/	/kãpe/ camper “berkhemah”	/ãklɔR/ enclore “memagari”	/panik/ panique “cemas”
/g/	/garde/	/degyste/	/bag/

	garder “menjaga”	déguster “merasa makanan”	bague “cincin”
/f/	/famij/ famille “keluarga”	/defo/ défaut “kekurangan”	/gaf/ gaffe “kesilapan besar”
/v/	/varje/ varier “berubah-ubah”	/aRive/ arriver “sampai”	/bav/ bave “air liur”
/ʃ/	/ʃəval/ cheval “kuda”	/aSte/ acheter “membeli”	/mɑ̃ʃ/ manche “lengan baju”
/ʒ/	/ʒɑ̃b/ jambe “kaki”	/aʒiR/ agir “bertindak”	/paʒ/ page “muka surat”
/s/	/sal/ salle “bilik”	/desɛ/ dessin “lukisan”	/karɔs/ carrosse “kereta kuda”
/z/	/zɛl/ zèle “rajin”	/dezir/ désir “keinginan”	/ʃɛz/ chaise “kerusi”
/m/	/malad/ malade “sakit”	/amuR/ amour “cinta”	/lam/ lame “mata pisau”
/n/	/naze/ nager “berenang”	/renɔve/ rénover “mengubahsuai”	/bɔn/ bonne “baik (femina)”
/p/	/pɑ̃/ gnon “pukulan”	/beje/ baigner “mandi”	/kɑ̃paŋ/ campagne “ladang”
/w/	/wazo/ oiseau “burung”	/swaR/ soir “petang”	-
/ʁ/	/ʁitR/ huître “tiram”	/lʁiR/ luire “bersinar”	-
/j/	/jɛR/ hier “semalam”	/bjɛto/ bientôt “sebentar lagi”	/vej/ veille “sehari sebelum”

5.6. Gandaan Konsonan

Dalam BP, kebanyakan perkataan yang dieja dengan gandaan konsonan disebut hanya satu konsonan. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah perkataan yang mempunyai gandaan konsonan kedua-dua bunyi konsonan tersebut diujarkan dalam beberapa situasi tertentu. Situasi-situasi tersebut adalah :

1. apabila gandaan konsonan menunjukkan adanya imbuhan awalan,

Contoh:	<i>immense</i>	[immãs]	“sangat besar”
	<i>irradier</i>	[iRRadje]	“menyinar”
	<i>surréalisme</i>	[syRRRealism]	“surrealisme”

2. bagi membezakan kata kerja kala lampau tidak lengkap (*imparfait*) dan kata kerja kala bersyarat (*conditionnel*)

Contoh:	<i>courait</i>	[kuRe]	“berlari (kala lampau tidak lengkap)”
	<i>courrait</i>	[kuRRe]	“berlari (kala bersyarat)”

3. apabila dua konsonan yang sama hadir secara berturut-turut akibat pengguguran vokal [ə] dalam bahasa lisan.

Contoh:	<i>tu m(e) mens</i>	[tymmã]	“awak menipu saya”
			dibezakan dengan
	<i>tu mens</i>	[tymã]	“awak menipu”

5.7. Rangkap Konsonan

Rangkap konsonan merupakan urutan dua konsonan atau lebih yang hadir dalam satu suku kata. Dalam sistem fonologi BP, pembentukan kata daripada rangkap konsonan

agak banyak. Kebanyakan rangkap ini dapat hadir pada awal dan akhir kata. Rangkap konsonan dalam BP menunjukkan dua pola utama yaitu rangkap konsonan oral-oral dan rangkap konsonan oral-nasal.

Rangkap Oral-Oral

Rangkap konsonan oral-oral dibentuk daripada gabungan konsonan-konsonan oral letupan, getaran, geseran dan sisian. Rangkap konsonan oral-oral ini adalah seperti berikut;

a. Letupan + Getaran

Rangkap ini terdiri daripada rangkap /pR/, /bR/, /tR/, /dR/, /kR/ dan /gR/. Rangkap letupan + getaran ini boleh hadir di awal, tengah dan akhir kata.

Contoh :

/pR/	/pRatike/	pratiquer	“melaksanakan”
	/R(ə)pRãdR(ə)/	reprendre	“mengambil balik”
/bR/	/bRize/	briser	“memecahkan”
	/ʃãbR(ə)/	chambre	“bilik”
/tR/	/tRete/	traiter	“memperlakukan”
	/mɛtR(ə)/	maître	“tuan”
/dR/	/dRa/	drap	“kain cadar”
	/pudR(ə)/	poudre	“serbuk”
/kR/	/kRavat/	cravate	“tali leher”
	/medjɔkR(ə)	médiocre	“kurang bermutu”
/gR/	/gRa/	gras	“lemak”
	/dɛgRe/	degré	“darjah/tahap”

b. Letupan + Sisian

Rangkap konsonan letupan + sisian dibentuk oleh gabungan fonem-fonem /p/, /b/, /k/ dan /g/ dengan fonem sisian /l/. Rangkap ini terdiri daripada rangkap konsonan /pl/, /bl/, /kl/, /gl/. Rangkap ini boleh hadir dalam semua lingkungan kata.

Contoh:

/pl/	/plase/	placer	“meletakkan”
	/kupl(ə)/	couple	“pasangan”
/bl/	/blokaʒ/	blocage	“terhenti”
	/ebluiR/	éblouir	“mempersonakan”
/kl/	/kle/	clé	“anak kunci”
	/Reklame/	réclamer	“meminta sesuatu”
/gl/	/glas/	glace	“air batu”
	/aglytine/	agglutiner	“melekatkan”

c. Letupan + Geseran

Rangkap konsonan plosif + geseran ini terdiri daripada rangkap-rangkap /ps/, /tʃ/ dan /ks/. Bunyi plosif yang membentuk rangkap ini hanya terdiri daripada bunyi plosif tidak bersuara sahaja. Manakala bunyi-bunyi geserannya pula hanya terhad kepada bunyi geseran gusi tidak bersuara [s] dan geseran gusi-lelangit keras [ʃ] tidak bersuara. Kehadiran rangkap ini dalam perkataan BP tidak begitu produktif. Ianya hanya terhad kepada beberapa perkataan sahaja. Rangkap /tʃ/ dan /ks/ boleh hadir di awal dan akhir kata, manakala rangkap /ps/ hanya hadir di awal kata sahaja.

Contoh :

/ps/	/psikɔlɔʒi/	psychologie	“ilmu jiwa dan fikiran”
------	-------------	-------------	-------------------------

/tʃ/	/tʃatʃe/	tchatcher	“berceloteh”
	/katʃ/	catch	“gusti”
/ks/	/ksenɔfɔb/	xénophobe	“benci pada orang asing”
	/sɛks(ə)/	sexe	“seks”

d. Getaran + Letupan

Dalam BP terdapat tiga rangkap konsonan getaran + plosif yang terdiri daripada rangkap /Rb/, /Rd/ dan /Rt/. Rangkap-rangkap hanya hadir pada lingkungan akhir kata sahaja.

Contoh :

/Rb/	/kuRb/	courbe	“lengkungan”
/Rd/	/kɔ̃kɔRd(ə)/	concorde	“persetujuan”
/Rt/	/kɔɔRt/	cohorte	“pasukan”

e. Geseran + Getaran

Rangkap konsonan geseran + getaran /fR/ dan /vR/ dibentuk oleh gabungan fonem geseran /f/ dan /v/ dan fonem getaran /R/. Ini bermakna hanya fonem geseran dua bibir bersuara dan tidak bersuara sahaja yang dapat bergabung dengan fonem getaran. Rangkap /fR/ dan /vR/ boleh hadir dalam semua lingkungan kata.

Contoh:

/fR/	/fRʃi/	fruit	“buah”
	/kɔ̃fRɛR/	confrère	“rakan sejawat”
/vR/	/vRɛ/	vrai	“benar”

/kuvRiR/ couvrir “menutup”

f. Getaran + Geseran

Rangkap konsonan /Rs/, /Rv/ dan /Rʒ/ merupakan rangkap-rangkap getaran + geseran yang terdapat dalam BP. Rangkap-rangkap konsonan ini hanya hadir di akhir kata sahaja.

Contoh:

/Rs/ /faRs(ə)/ farce “gurau senda”

/Rv/ /kõsɛRv(ə)/ conserve “makanan tahan simpan”

/Rʒ/ /ʃaRʒ/ charge “muatan”

g. Geseran + Sisian

Konsonan geseran yang dapat membentuk rangkap ini hanya terdiri daripada fonem konsonan geseran bibir dan geseran gusi tidak bersuara /f/ dan /s/ sahaja. Rangkap konsonan /fl/ boleh hadir dalam semua lingkungan kata tetapi sebaliknya rangkap /sl/ hanya hadir di awal kata sahaja. Contoh:

/fl/ /flote/ flotter “terapung”

/Rɔfl(ə)/ rafle “merampas barangan”

/kõfli/ conflit “persengketaan”

/sl/ /slogã/ slogan “cogan kata”

h. Sisian + Letupan

Kehadiran rangkap-rangkap konsonan /lp/, /lb/, /lt/ dan /lk/ hanya terhad kepada lingkungan akhir kata sahaja. Perkataan-perkataan BP yang mengandungi rangkap konsonan ini juga terbatas jumlahnya.

Contoh :

/lp/	/pylp(ə)/	pulpe	“bahagian urat (gigi)”
/lb/	/bylb(ə)/	bulbe	“bebawang”
/lt/	/alt(ə)/	halte	“hentian sebentar”
/lk/	/talk/	talc	“bedak talkum”

i. Sisian + Geseran

Sepertimana rangkap konsonan sisian + letupan, rangkap konsonan sisian + geseran juga terbatas jumlah dan kehadirannya dalam perkataan BP. Rangkap konsonan ini hanya terdiri daripada rangkap /lv/ dan /ls/.

Contoh :

/lv/	/salv(ə)/	salve	“tembakan hormat”
/ls/	/vals(ə)/	valse	“tarian waltz”

Rangkap Oral- Nasal

Rangkap konsonan oral – nasal ini dibentuk oleh gabungan konsonan oral dan konsonan nasal. Namun begitu, bilangan rangkap ini dalam BP adalah amat sedikit. Rangkap oral –nasal ini terdiri daripada rangkap /pn/, /gn/ dan /sm/. Rangkap /pn/ dan /gn/ hanya hadir pada lingkungan awal kata sahaja, manakala rangkap /sm/ pula hanya hadir pada lingkungan akhir kata sahaja.

Contoh :

/pn/	/pnœ/	pneu	“tayar”
/gn/	/gnɔmɔ̃/	gnomon	“alat geometri yang digunakan pada masa dulu”
/sm/	/kɔmynism/	communisme	“komunisme”